

08 JUL 2003

Zainal-Sains

GENERASI KINI PERLU MINATI SAINS DAN TEKNOLOGI, KATA ZAINAL

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Generasi sekarang perlu meminati bidang sains dan teknologi kerana negara amat memerlukan saintis yang khusus kepada sesuatu bidang tertentu, kata Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Zainal Dahalan.

Beliau berkata Malaysia kini amat kekurangan pakar-pakar sains dan teknologi untuk membangunkan negara selaras dengan kehendak Wawasan 2020.

Katanya kumpulan saintis tempatan yang sedia ada pula tidak bersedia untuk berkhidmat dalam negara kerana gaji yang ditawarkan di sini amat rendah berbanding dengan gaji yang diterima di luar negara.

Ahli sains juga lebih suka berkhidmat di luar negara kerana kemudahan untuk penyelidikan jauh lebih moden daripada yang terdapat di Malaysia, katanya kepada wartawan selepas merasmikan program Dunia Genetik "Celebrating Life" di Pusat Sains Negara hari ini.

Program Dunia Genetik "Celebrating Life" adalah anjuran bersama Pusat Sains Negara dan British Council yang berlangsung sehingga 31 Julai di Pusat Sains Negara dan dari 4 hingga 10 Ogos di SEAMEO RECSAM, Pulau Pinang.

Zainal berkata dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai ahli sains dan teknologi yang berkaliber, kerajaan kini memberi penekanan penggunaan bahasa Inggeris dalam matapelajaran sains dan matematik di sekolah.

Pengarah British Council Dr Tom Craig-Cameron berkata Malaysia kaya dengan sumber alam semulajadi yang bukan sahaja boleh diselidiki dan dikaji malah usaha ini mendapat galakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Di bawah program ini, orang ramai berpeluang mengetahui lebih dekat perkembangan dalam bidang penyelidikan genetik Deoxyribose Nucleic Acid (DNA) yang telah banyak membantu polis menyelesaikan kes-kes seperti rogol, pembunuhan dan rompakan.

Bagaimanapun, program itu akan memberi kesedaran kepada orang ramai berhubung penyelidikan DNA sepanjang tempoh 50 tahun dalam bidang pertanian, perubatan dan pengklonan.

Beberapa bengkel dan pameran akan diadakan di sini sepanjang program itu berlangsung. Orang ramai boleh menyertai program-program ini yang berlangsung di Pusat Sains Negara, Bukit Kiara.

Ahli silap mata sains dari United Kingdom Richard Robinson akan mengadakan persembahan untuk umum pada 19, 20, 26 dan 27 Julai di tempat yang sama. Pertunjukan silap mata itu bermula 9.30 pagi kecuali pada 26 Julai bermula 1.30 petang.

-- BERNAMA

NKB RAF AHH ROS